

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1-2024

Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bagi Pegawai
Perkhidmatan Awam Persekutuan:

Bayaran Insentif Bertugas di Bilik Mayat

• Kaedah Permohonan

Permohonan menggunakan borang permohonan dan disertakan surat arahan bertugas.

• Syarat Kelayakan

01

Dibayar kepada **Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Perawatan Kesihatan dan Juruteknologi Makmal Perubatan** (Kelulusan LPU Bil. 3/2025, bertarikh 21 Mei 2025) yang ditempatkan dan menjalankan tugas secara sepenuh masa di Bilik Mayat di fasiliti kesihatan Kerajaan.

02

Bayaran bermula dari tarikh pegawai berkenaan diarah menjalankan tugas tersebut.

Kadar

RM150

sebulan

Soalan Lazim

Bayaran Insentif Bertugas di Bilik Mayat (BIBBM)

1. Siapakah layak memohon Bayaran Insentif Bertugas Di Bilik Mayat (BIBBM)?

Pembantu Perawatan Kesihatan dan Penolong Pegawai Perubatan yang ditempatkan dan menjalankan tugas secara sepenuh masa di Bilik Mayat di fasiliti kesihatan Kerajaan boleh memohon BIBBM.

2. Seorang pegawai berjawatan Juruteknologi Makmal Perubatan telah diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk bertugas di bilik mayat, adakah beliau boleh memohon BIBBM?

Juruteknologi Makmal Perubatan ditempatkan dan menjalankan tugas secara sepenuh masa di Bilik Mayat boleh menuntut BIBBM dengan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2025 bertarikh 21 Mei 2025.

3. Bila tarikh kuat kuasa kenaikan kadar BIBBM daripada RM100.00 kepada RM150.00?

Tarikh kenaikan kadar BIBBM untuk Pembantu Perawatan Kesihatan dan Penolong Pegawai Perubatan adalah bermula pada 1 Disember 2024, selaras dengan kelulusan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bil.1/2024: Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Tarikh kenaikan kadar BIBBM bagi Juruteknologi Makmal Perubatan adalah pada 21 Mei 2025 bersamaan dengan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2025.